

<p><b>PETIKAN TITAH</b> "DALAM abad ke-21, peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah penting bagi kesedaran dunia untuk mengimbangi kepentingan negara-negara yang berjaya dan kurang berjaya dalam ekonomi</p>		<p><b>MANISNYA IMAN</b> "ALLAH meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjat. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam</p>
<p><b>Rabu</b> 21 September 2005 17 Syaaban 1426 Tahun 50 Bilangan 38</p> <p><a href="#">Berita Utama</a></p> <p><a href="#">Berita Ringkas</a></p> <p><a href="#">Haluan</a></p> <p><a href="#">Dari Sidang Pengarang</a></p> <p><a href="#">Melirik Masa Silam</a></p> <p><a href="#">Kan Halnya</a></p> <p><a href="#">Aneka Rencana</a></p> <p><a href="#">Ekonomi</a></p> <p><a href="#">Suara Dari Mimbar</a></p> <p><a href="#">Menuju Keredaan Allah</a></p> <p><a href="#">Teropong Pelita</a></p> <p><a href="#">Bicara IT</a></p> <p><a href="#">Minda Pembaca</a></p> <p><a href="#">Remaja</a></p> <p><a href="#">Belia</a></p> <p><a href="#">Arena Sukan</a></p> <p><a href="#">Iklan-iklan Tawaran</a></p> <p><a href="#">Iklan-iklan Tawaran Kerja</a></p> <p><a href="#">Iklan-iklan Tawaran Mengikuti Kursus</a></p> <p><a href="#">Arkib</a></p> <p><i>Pelita Brunei Online Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri</i></p> <p><i>Alamat e-mail: <a href="#">Pelita Brunei</a></i></p>	<p style="text-align: center;"><b>HALUAN</b></p> <div style="display: flex;">  <div style="margin-left: 10px;"> <p><b>TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pelancaran Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat (NASIS) pada 3 Syaaban 1426/7 September 2005.</b></p> </div> </div> <p style="text-align: center;"><b>MEMBINA MASYARAKAT BERMAKLUMAT PERLU KOMITMEN, KERJASAMA SEMUA PIHAK</b></p> <p style="text-align: center;"><i>Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim</i></p> <p>ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.</p> <p>Alhamdulillah, Saya bersyukur kerana sama-sama dapat hadir di Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat, yang juga melibatkan banyak pihak dan isu-isu ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan di alaf baru ini.</p> <p>Mewujudkan masyarakat bermaklumat adalah merupakan agenda penting dalam membantu pembangunan ekonomi serta peningkatan taraf hidup.</p> <p>Peralihan ke arah masyarakat bermaklumat menjadi relevan, disebabkan adanya peluang-peluang baru dalam pelbagai urusan dan aktiviti masyarakat.</p> <p>Penggunaan teknologi infokomunikasi boleh menjadi penyelesaian dan pemudah kepada aktiviti-aktiviti tersebut.</p> <p>Demikian juga revolusi digital dan keupayaan teknologi infokomunikasi dapat mengurangkan halangan-halangan tradisional seperti 'jarak' dan 'masa'.</p> <p>Di samping itu, kemajuan teknologi ICT juga berupaya meningkatkan daya kreativiti dan inovasi.</p> <p>Ini bermakna, kita adalah perlu berkongsi maklumat yang berteraskan teknologi canggih bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat baru yang lebih maju, khusus di bidang ekonomi, sosial dan politik.</p> <p>Kesan dari perkembangan teknologi infokomunikasi yang tidak selaras, boleh sahaja mewujudkan perbezaan jurang digital atau digital divide di kalangan masyarakat, baik dalam negara sendiri mahupun di antara negara-negara di dunia.</p> <p>Dari itu, memang perlu bagi kita memastikan semua lapisan masyarakat adalah mampu mendapatkan akses terhadap teknologi infokomunikasi, sebagai cara membangun dan meningkatkan kualiti hidup mereka.</p> <p>Dengan penyediaan infrastruktur sahaja belumlah memadai untuk menjamin keberkesanan penyerapan ICT dalam masyarakat.</p> <p>Kita masih perlu banyak membentuk program-program yang menjurus kepada pembangunan sumber tenaga manusia terutama pembangunan kapasiti dalam bidang ICT.</p> <p>Hanya dengan mempunyai kemahiran yang diperlukan, kita akan dapat meraih manfaat seberapa yang banyak, terutama manfaat ekonomi.</p> <p>Di samping itu kita jangan lupa untuk meneroka seterusnya bidang-bidang penyelidikan ICT serta juga kerjasama dalam bidang latihan-latihan yang melibatkan kemahiran, baik ia peringkat serantau mahupun antarabangsa.</p> <p>Penyediaan ICT di dalam kurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi juga boleh menjamin lahirnya masyarakat yang celik ICT.</p> <p>Bilangan lulusan dari institusi pengajian perlulah diselaraskan dengan kehendak dan permintaan industri dan bisnes bagi memastikan negara ini mempunyai sumber tenaga manusia yang berkemahiran dan profesional.</p> <p>Satu daripada fenomena yang juga dapat disaksikan pada masa ini ialah penggabungan digital atau digital convergence bagi teknologi telekomunikasi, penyiaran dan teknologi maklumat.</p> <p>Dengan adanya penggabungan ini, menjadi satu cabaran kepada pentadbiran dan pengurusan yang sedia ada, kerana penggabungan digital itu telah menghasilkan produk-produk serta perkhidmatan-perkhidmatan baru.</p> <p>Ini bermakna bukan sahaja 'hardware' teknologi telekomunikasi dan maklumat diperlukan, malahan juga lebih mustahak diberikan perhatian ialah kandungan atau 'software' yang disalurkan dalam ICT.</p> <p>Ini adalah merupakan cabaran, khususnya kepada agensi-agensi kerajaan yang sudah sedia wujud bagi menyesuaikan diri dengan perkembangan dan kemajuan terbaru ini.</p> <p>Pihak kerajaan sebenarnya telah pun menyediakan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan teknologi yang moden. Namun untuk mewujudkan atau membina masyarakat bermaklumat masih sahaja memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak.</p> <p>Dari itu, persidangan ini nanti akan menjadi platform bagi membentuk satu e-Strategi dan Pelan Tindakan Kebangsaan yang komprehensif serta berpandangan jauh.</p> <p>Usaha kolektif dan pendekatan seumpama ini akan menyediakan satu hala tuju yang lebih fokus, tepat dan mudah difahami.</p> <p>Oleh itu, e-Strategi kebangsaan ini akan mengukuhkan lagi Pelan Strategik IT Kebangsaan yang sedia ada, bagi sama-sama mendukung wawasan ke arah memanfaatkan IT dan teknologi komunikasi secara sepadu untuk kemakmuran negara.</p> <p>Dalam hubungan ini, kerajaan telah melaksanakan rancangan e-Kerajaan dan menggalakkan pula perlaksanaan e-Perniagaan yang mampu untuk mewujudkan e-Masyarakat dan e-Society. Sekiranya semua ini berjalan lancar, maka insya-Allah kita akan dapat pula mencapai visi bagi mewujudkan e-Brunei.</p> <p>Semoga usaha-usaha ke arah masyarakat bermaklumat ini akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wataala dan semoga kita semua beroleh manfaat daripadanya.</p> <p>Dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli 'Alaa Sayyidinaa Muhammad, Wa'alaa Aali Sayyidinaa Muhammad, Saya rasmi kan Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat pada pagi ini.</p> <p>Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.</p>	